



PERSIDANGAN MEMPERTINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN KERAJAAN – PENAMBAHBAIKAN URUSAN-URUSAN
PEMAJUAN SERTA PENYENGGARAAN DAN PENGURUSAN HARTANAH

TAJUK KERTAS KERJA:

**PELAKSANAAN KAEDAH PENGELUARAN
PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC)
OLEH PARA PROFESIONAL**

Oleh:

DATO' AHMAD FUAD BIN ISMAIL

Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Aras 5, Blok K, Pusat Bandar Damansara,

50782 Kuala Lumpur

No. Tel: 603-20992374, No. Fax: 603-20925024

14 APRIL 2007

Pelaksanaan Kaedah Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) Oleh Para Profesional

TUJUAN

Tujuan kertas ini adalah untuk memberi penjelasan dan panduan kepada semua pihak yang terlibat di dalam industri pembinaan negara mengenai kaedah Pengeluaran Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) oleh Para Profesional Bagi Menggantikan Perakuan Kelayakan Menduduki (CFO) oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

LATAR BELAKANG

Keputusan Jemaah Menteri mengenai sistem CCC

2. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 9 Mac 2005 telah bersetuju supaya CCC dikeluarkan oleh para Profesional bagi menggantikan CFO yang dikeluarkan oleh PBT.
3. Seterusnya, Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 21 Jun 2006 telah bersetuju dengan kaedah-kaedah yang digariskan dalam melaksanakan sistem CCC.

Pewujudan Kumpulan Kerja Kajian CCC

4. Bagi melaksanakan arahan tersebut, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mewujudkan Kumpulan Kerja Kajian yang terdiri daripada badan-badan profesional seperti Pertubuhan Arkitek Malaysia, *Association of Consulting Engineers Malaysia*, *Institution Engineers of Malaysia*, Lembaga Profesional yang terdiri daripada Lembaga Arkitek Malaysia dan Lembaga Jurutera Malaysia, Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), wakil PBT dan KPKT bagi mengkaji dan menghalusi nilai tambah yang akan diperolehi sekiranya sistem CCC dilaksanakan, kaitan dan implikasi sistem baru ini dari aspek perundangan dan penerimaan serta kesediaan *industry players* melaksanakan sistem CCC.

Keperluan Meminda 6 Undang-undang Sedia Ada

5. Bagi maksud perlaksanaan CCC, pindaan kepada 6 undang-undang sedia ada perlu dibuat. Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

- i. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- ii. Akta Arkitek 1967 (Akta 117);
- iii. Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138);

- iv. Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118);
- v. Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318); dan
- vi. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984).

6. Seterusnya, pindaan kepada akta-akta tersebut telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia dan telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong. Pewartaan di peringkat persekutuan telah juga dibuat pada tarikh-tarikh berikut:

- i. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007 iaitu (Akta A1286) -15 Febuari 2007;
- ii. Akta Arkitek 1967 (Pindaan) 2007 iaitu (Akta A1287) – 15 Febuari 2007 ;
- iii. Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2007 iaitu (Akta A1288) – 15 Febuari 2007;
- iv. Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2007 iaitu (Akta A1289) – 15 Febuari 2007; dan
- v. Akta Hakmilik Strata 1985 (Pindaan) 2007 iaitu (Akta A1290) – 15 Febuari 2007.

Bagi Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2007 iaitu UKBS 2007 pula, ia telah disemak dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara Pada 8 Febuari 2007 dan dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan pada 23 Mac 2007 supaya dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri. UKBS 2007 telah diwartakan oleh semua Pihak Berkuasa Negeri dan dikuat kuasakan pemakaiannya mulai 12 April 2007.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Sistem CCC – Peluasan Kepada Kaedah Sedia Ada

7. Konsep sistem CCC ini bukanlah satu konsep baru. Ianya sedang dilaksanakan di mana CCC dikeluarkan oleh Arkitek Profesional atau Pelukis Pelan Bangunan selaku Orang Yang Mengemukakan (OMP) bagi banglo yang dibina berasingan. Sistem CCC yang telah dipersetujui ini merupakan peluasan sistem sedia ada kepada bangunan-bangunan kategori lain yang lebih kompleks dan tidak terhad kepada banglo yang dibina berasingan.

Kategori Orang Yang Mengemukakan Pelan

8. Berbanding dalam sistem CFO di mana OMP mengemukakan pelan bangunan untuk kelulusan PBT dan juga mengemukakan permohonan untuk PBT keluarkan CFO, sistem baru ini menetapkan pelan bangunan masih perlu dikemukakan kepada PBT untuk

kelulusan tetapi CCC dikeluarkan oleh Orang Utama Yang Mengemukakan iaitu *Principal Submitting Person* (PSP) iaitu sama ada terdiri daripada Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional atau Pelukis Pelan Bangunan. Di dalam sistem CFO dan sistem CCC Akta Arkitek membenarkan Pelukis Pelan Bangunan hanya mengeluarkan CCC bagi banglo yang tidak melebihi ketinggian 2 tingkat dan keluasan yang tidak melebihi 300 meter persegi. Berpandukan kepada senarai bersama yang dikeluarkan oleh Lembaga-lembaga Profesional, Arkitek Profesional akan berperanan sebagai PSP bagi projek-projek yang berkehendakkan input senibina yang tinggi sementara Jurutera Profesional pula bagi projek-projek berbentuk kejuruteraan.

Kelulusan Kebenaran Merancang Dan Pelan Bangunan Sebelum CCC Dikeluarkan

9. Dalam sistem CCC sebagaimana sistem CFO dua proses utama iaitu Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan masih perlu dikemukakan dan diluluskan oleh PBT terlebih dahulu sebelum pembinaan boleh dimulakan di tapak. Sistem baru ini juga menetapkan Pelan Bangunan dikemukakan oleh PSP sementara pelan-pelan bangunan lain selain pelan bangunan dikemukakan oleh para profesional lain sama ada Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional bergantung kepada pihak profesional mana yang menyediakan rekabentuk dan kemukakan pelan. Adalah menjadi tanggungjawab PSP untuk memastikan penyediaan dan

pengemukaan lukisan-lukisan lain ini adalah di dalam keadaan teratur.

Peranan PBT Sebagai *Check And Balance*

10. Semasa pembinaan pula, PSP bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengawasi kerja-kerja pembinaan di tapak agar kerja pembinaan selaras dengan peruntukan-peruntukan perundangan dan syarat-syarat PBT. Sebagaimana sistem sedia ada, PBT dibenarkan membuat pemeriksaan di tapak dan mengeluarkan notis kepada PSP sekiranya terdapat ketidakpatuhan berlaku. Dalam sistem baru ini peranan dan tanggungjawab PBT dipertingkatkan dengan memberi PBT kuasa tambahan untuk mengeluarkan arahan menahan pengeluaran CCC sekiranya ketidakpatuhan tidak di perbetulkan oleh PSP.

Sistem Tanggungjawab Secara Matriks

11. Dalam sistem sekarang, peranan dan tanggungjawab pihak-pihak lain selain daripada OMP tidak dikawal secara nyata dan jelas. Bagi memperkemaskan pelaksanaan sistem CCC, satu elemen penting diperkenalkan iaitu pendekatan perakuan secara berperingkat (*stage certification*). Pendekatan ini yang berasaskan kepada prinsip tanggungjawab secara matriks (*matrix of responsibility*) mewajibkan pihak kontraktor atau kontraktor tred dan para profesional yang bertanggungjawab kepada sesuatu komponen pembinaan itu memperakukan penyiapan dan pematuhan komponen berkenaan. Tanggungjawab secara matriks ini diterjemahkan melalui

pengenalan Borang G1 hingga G21, di dalam UKBS 2007 yang mana melalui borang-borang ini komponen pembinaan disahkan penyiapan dan pematuhannya dengan ditandatangani oleh setiap profesional dan kontraktor atau kontraktor tred yang terlibat. Sebagai contoh bagi kerja-kerja pepaipan dalaman seperti dalam Borang G5, kontraktor tred (*licensed plumber*) dan Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional (bergantung kepada pihak mana yang menyediakan dan mengemukakan lukisan pepaipan dalaman) perlu sama-sama mengesahkan penyiapan dan pematuhan kerja-kerja pemasangan pepaipan dalaman (senarai borang-borang G adalah seperti di **Lampiran 1A**).

12. Bagi membantu PBT mengawal pembinaan dari aspek memastikan perkara-perkara ketidakpatuhan diperbetulkan serta merta tanpa menunggu sehingga pembinaan tamat, Kementerian mencadangkan agar PSP memaklumkan kepada PBT tentang penyiapan setiap peringkat pembinaan yang utama. Penyiapan setiap peringkat pembinaan adalah yang bersamaan dengan borang-borang G berikut disahkan oleh pihak-pihak yang berkaitan, iaitu :

- i. peringkat penyiapan substruktur yang diterjemahkan melalui pengesahan Borang G1 – G3;
- ii. peringkat penyiapan superstruktur yang diterjemahkan melalui pengesahan Borang G4 – G12; dan
- iii. peringkat penyiapan perkhidmatan luaran dan dalaman melalui pengesahan Borang G13 – G21.

13. Setelah menerima pemakluman daripada PSP tentang penyiapan sesuatu peringkat pembinaan, PBT adalah digalakkan melakukan pemeriksaan tapak agar sebarang ketidakpatuhan kepada pelan yang diluluskan dan Akta atau mana-mana undang-undang kecil dibawahnya dapat dikenalpasti dan diperbetulkan dengan sewajarnya sebelum peringkat pembinaan seterusnya dilaksanakan. Berpandukan kepada laporan pegawai yang memeriksa tapak, Mesyuarat Jawatankuasa OSC akan menetapkan tahap ketidakpatuhan yang dilaporkan serta mencadangkan kaedah pembetulan. Seterusnya PBT akan mengeluarkan notis bertulis yang berkehendakkan pematuhan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis tanpa menjejaskan pelaksanaan projek di tapak. Sekiranya ketidakpatuhan masih tidak diperbetulkan dalam tempoh yang ditetapkan, Mesyuarat Jawatankuasa OSC akan mengarahkan PBT untuk mengeluarkan arahan berhenti kerja atau arahan bertulis menahan pengeluaran CCC sehingga ketidakpatuhan itu diperbetulkan.

14. Berbanding dengan sistem CFO sekarang di mana PBT akan hanya melakukan pemeriksaan tapak selepas bangunan siap dan Borang E diterima, sistem CCC menetapkan pengesahan penyiapan komponen pembinaan dilakukan secara berperingkat dalam keseluruhan tempoh pembinaan. Seperkara lagi, pengesahan borang-borang G tidak akan melewati proses pengeluaran CCC memandangkan ianya terletak di bawah kawalan PSP sepenuhnya.

Aspek Akauntabiliti Di bawah Sistem CCC

15. Dalam sistem CCC berbanding CFO, PBT diberi kuasa untuk mendakwa pihak-pihak yang memberi perakuan yang salah semasa memperakukan Borang G dan semasa mengeluarkan CCC. PBT juga bertanggungjawab melaporkan kepada Lembaga Profesional dan badan kawalselia yang berkaitan atas salah laku tersebut. Ini bermakna walaupun CCC di keluarkan oleh PSP, akauntabiliti serta tanggungjawab adalah dipikul bersama oleh pihak kontraktor atau kontraktor tred dan para profesional oleh itu, sekiranya berlaku kegagalan atau kecacatan, pihak yang bertanggungjawab mudah dikesan dan diambil tindakan selanjutnya. Dengan demikian kualiti kerja akan lebih terjamin.

Pengeluaran CCC Setelah Semua Aspek yang Perlu Telah DiPatuhi

16. CCC sebagaimana CFO hanya boleh dikeluarkan setelah semua pihak berkenaan berpuashati bahawa pembinaan tersebut telah diawasi dan disiapkan mengikut peruntukan-peruntukan perundangan dan syarat-syarat dalam kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan seperti yang ditetapkan PBT.

Peranan Dan Tanggungjawab PSP

17. Secara umumnya dalam sistem CCC, peranan dan tanggungjawab PSP merangkumi aspek-aspek berikut:

- a) mengemukakan Pelan Bangunan kepada PBT untuk kelulusan;
- b) menyelaraskan penyediaan dan pengemukaan pelan-pelan selain daripada Pelan Bangunan;
- c) memaklumkan kepada PBT untuk memulakan operasi pembinaan di tapak;
- d) mengawasi kerja-kerja pembinaan di tapak dan memastikan peruntukan-peruntukan perundangan dan syarat-syarat teknikal PBT dipatuhi;
- e) melaporkan kemungkiran (*failure*), menerangkan sesuatu kemungkiran dan menyatakan tindakan pemulihan yang telah diambil sekiranya berlaku *failure* semasa pembinaan;
- f) mengemukakan notis menyambung semula kerja kepada PBT;

- g) memastikan perkara-perkara *non compliance* semasa pembinaan seperti dalam notis PBT kepada PSP diperbetulkan sebelum CCC dikeluarkan;
- h) mengeluarkan CCC kepada pemilik atau pemaju dan sesalinan CCC dikemukakan kepada PBT dan Lembaga Profesional yang berkaitan dengan PSP;
- i) memastikan pengesahan borang-borang G adalah lengkap dan teratur dan seterusnya mengemukakan sesalinan semua borang G kepada PBT dan Lembaga Profesional yang berkaitan dengan PSP; dan
- j) bagi profesional yang bersetuju mengambilalih tugas dan tanggungjawab PSP, beliau akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas projek berkenaan sebagai PSP baru.

Tanggungjawab PSP Berhubung Syarat-Syarat Bukan Teknikal

18. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 21 Jun 2006 telah bersetuju supaya PSP hanya dipertanggungjawabkan memastikan peruntukan perundangan dan syarat-syarat teknikal PBT dipatuhi sebelum CCC boleh dikeluarkan, sementara pematuhan kepada syarat-syarat bukan teknikal dipastikan melalui kaedah lain. Hakikat ini diputuskan kerana PSP merupakan pihak yang arif dan pakar dalam isu-isu teknikal pembinaan dan mereka juga terlibat dalam keseluruhan fasa sesuatu pembinaan iaitu dari peringkat persediaan, pembinaan dan penyiapan projek. Sehubungan itu mereka tidak

seharusnya dibebankan dengan memastikan syarat-syarat bukan teknikal dipatuhi sebelum CCC dikeluarkan kerana syarat-syarat tersebut berada di luar kawalan PSP dan dikhuatiri ini akan melewati pengeluaran CCC.

Syarat-Syarat Bukan Teknikal

19. Syarat-syarat bukan teknikal kebiasaannya ditetapkan adalah bagi memenuhi keperluan pembangunan sosial, di antaranya termasuklah penetapan kuota bumiputera dalam pemajuan, pembinaan rumah-rumah kos rendah dalam pembangunan perumahan bercampur dan sumbangan bagi membina kemudahan awam.

20. Kementerian mencadangkan agar pihak PBN dan agensi-agensi di bawahnya menggubal mekanisme tertentu bagi memastikan syarat-syarat bukan teknikal dipatuhi sebelum CCC boleh dikeluarkan. Berikut disenaraikan kaedah-kaedah pematuhan kepada syarat-syarat bukan teknikal yang boleh dijadikan panduan semasa melaksanakan sistem baru ini, iaitu:

- a) bagi penetapan kuota bumiputera dicadangkan:
 - i. agar lot-lot bumiputera ditetapkan dan ditandakan di dalam pelan pra perhitungan (*precom plan*) dan ini akan menjadikannya sebahagian daripada pelan-pelan yang

diluluskan PBT semasa meluluskan Kebenaran Merancang;

- ii. agar pematuhan kepada syarat ini dibuat melalui mekanisme tertentu yang digubal oleh PBN dan Pejabat Tanah Daerah memandangkan PBT tidak lagi mengeluarkan CFO; dan
- iii. agar digubal mekanisme bagi membuka jualan lot-lot bumiputera yang tidak terjual selepas diiklankan dalam sesuatu tempoh masa tertentu.

b) bagi pembinaan rumah kos rendah dalam pemajuan perumahan yang bercampur, dicadangkan;

- i. diberi kelonggaran kepada pihak pemaju untuk membina rumah kos sederhana rendah berbanding rumah kos rendah bagi kawasan yang bersaiz kecil dan sederhana; atau
- ii. sekiranya pembinaan rumah kos rendah masih diperlukan, pemaju boleh diminta menandatangani jaminan bank yang jumlahnya bersamaan dengan kos pembinaan bagi unit-unit rumah kos rendah tersebut untuk membolehkan anak-anak syarikat negeri atau persekutuan membina rumah kos rendah tersebut; atau

- iii. pemaju menyerahkan tanah serta menyiapkan kerja-kerja infrastruktur yang berkaitan dengan tanah tersebut untuk anak-anak syarikat negeri dan persekutuan melaksanakan pembinaan rumah kos rendah; atau
 - iv. pemaju dikenakan syarat perancangan untuk mula membina rumah kos rendah apabila kemajuan kerja di tapak mencapai tahap dan peratus yang tertentu; atau
 - v. bagi pembangunan berfasa, pemaju dikenakan syarat membina rumah kos rendah sebelum permohonan kelulusan pelan bangunan fasa seterusnya diluluskan. Walau bagaimanapun, syarat sedemikian harus ditetapkan di peringkat awal dan bukan sebagai syarat tambahan.
- c) bagi sumbangan membina kemudahan awam, dicadangkan;
- i. PBN menggubal satu kaedah perkongsian sektor awam dan sektor swasta yang lebih sistematik, efisien, telus dan adil untuk diguna pakai oleh PBT masing-masing; dan
 - ii. memastikan kaedah yang akan ditetapkan mengambil kira keperluan dan kekangan pihak-pihak yang terbabit.

Peranan Dan Tanggungjawab PBT

21. Dalam sistem baru ini PBT berperanan dan bertanggungjawab melaksanakan perkara-perkara berikut:

- a) meluluskan permohonan Kebenaran Merancang;
- b) meluluskan Pelan Bangunan;
- c) membuat pemeriksaan di tapak atas inisiatif atau atas aduan;
- d) mengeluarkan notis kepada PSP untuk mengambil tindakan ke atas perkara-perkara yang didapati tidak mematuhi peruntukan-peruntukan perundangan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan;
- e) mengeluarkan arahan kepada PSP supaya tidak mengeluarkan CCC dalam keadaan-keadaan berikut:
 - i) sekiranya perkara-perkara *non compliance* tidak diperbetulkan;
 - ii) sekiranya berlaku penipuan dalam pembinaan, dokumentasi, atau pengurusan projek; dan
 - iii) sekira terdapat maklumat yang tidak tepat dalam dokumentasi;
- f) mengeluarkan notis kepada profesional jika kemungkiran telah berlaku tetapi tidak dilaporkan kepada PBT;

- g) mendakwa para profesional dan melaporkan kepada Lembaga Profesional atas salah laku;
- h) mendakwa pihak-pihak yang memberi perakuan yang salah dalam borang-borang G dan melaporkan kepada badan-badan kawalselia yang berkaitan;
- i) memastikan bangunan yang melebihi 5 tingkat dan berusia 10 tahun dari tarikh CCC dikeluarkan diperiksa tahap keselamatannya setiap 10 tahun; dan
- j) mengeluarkan CFO bagi projek-projek di mana CFO masih diperlukan walaupun sistem CCC telah dikuat kuasakan. Ini bermakna dalam tempoh peralihan ini sistem CCC dan sistem CFO akan berjalan serentak di mana PBT akan terus mengeluarkan CFO bagi projek-projek yang sebelum tarikh kuat kuasa CCC:
 - i. pelan bangunan telah dikemukakan dan diterima PBT tetapi belum diluluskan;
 - ii. pelan bangunan telah lulus tetapi pembinaan belum bermula;
 - iii. arahan bertulis telah dikeluarkan untuk pelan dan penentuan dipinda dan pindaan telah dikemuka semula tetapi belum diluluskan;

- iv. pelan dan penentuan yang dipinda belum lulus;
- v. kerja pembinaan belum mula dan masih dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pelan dan penentuan diluluskan;
- vi. kerja mendirikan bangunan telah bermula;
- vii. kerja bangunan yang tergantung (terbengkalai) disambung semula; dan
- viii. bangunan telah didirikan tanpa pelan dan penentuan.

Ini juga bermakna dalam tempoh peralihan, Borang E dan Borang F di dalam UKBS 1984 masih lagi digunapakai bagi mengemukakan permohonan mendapatkan CFO dan juga bagi membolehkan CCC dikeluarkan bagi banglo yang dibina berasingan.

Langkah-Langkah Memperketatkan Pelaksanaan Sistem CCC

22. Dengan pengenalan sistem pengeluaran CCC, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) selaku akta ibu dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 sebagai perundangan subsidiari di bawahnya telah dipinda. Pindaan ini antara lainnya, melibatkan perubahan takrif, pengenalan peruntukan-peruntukan baru serta pindaan kepada peruntukan-peruntukan sedia ada dan penalti yang dikenakan. Selain Akta 133 dan UKBS 1984, terdapat undang-undang lain yang mempunyai kaitan dengan pelaksanaan

sistem CCC turut dipinda. Undang-undang lain yang dimaksudkan adalah:

- a) Akta Pemajuan Perumahan 1966 (Kawalan dan Pelesenan);
- b) Akta Hak Milik Strata 1985; dan
- c) Akta Arkitek 1967 serta Akta Pendaftaran jurutera 1967. Akta-akta ini dipinda bagi memperketatkan lagi kawalan ke atas para profesional dengan mengenakan penekanan tambahan kepada tindakan disiplin terhadap ahli profesional yang melanggar etika pertubuhan. Penekanan tambahan tindakan-tindakan disiplin ini termasuk penambahan denda, pemanjangan tempoh menggantung keahlian dan pembatalan pendaftaran keahlian.

Sistem CCC Ambilkira Kepentingan Pemaju, Pelabur, Pembeli Dan Pemilik Bangunan

23. Sistem CCC memperkenalkan beberapa pembaharuan dan penambahbaikan dalam persijilan keselamatan dan keselesaan bangunan, iaitu:

- a) hanya pihak yang arif dan pakar tentang sesuatu projek diberi kepercayaan untuk memperakukan keselamatan dan keselesaan bangunan yang dikeluarkan CCC olehnya. Dalam hal ini PSP lebih memahami dan mendalami sesuatu

pemajuan projek kerana terlibat dalam keseluruhan fasa pembangunannya iaitu dari peringkat kerja-kerja persiapan memulakannya hingga ke peringkat-peringkat pembinaan dan penyiapan projek;

- b) melalui proses *matrix of responsibility*, kredibiliti, akauntabiliti dan serta tanggungjawab pihak yang mengesahkan kerja adalah jelas di mana pihak yang bertanggungjawab kepada setiap komponen pembinaan akan sama-sama mengesahkan penyiapan dan pematuhan komponen berkenaan di dalam borang-borang G. Sekiranya berlaku kegagalan pihak yang bertanggungjawab mudah dikesan dan diambil tindakan dan perkara ini dilihat dapat menghasilkan kualiti kerja yang terjamin; dan
- c) pengeluaran CCC, setelah mematuhi semua aspek perundangan dan syarat-syarat PBT, dapat di keluarkan serentak atau bersekali dengan pengeluaran Notis Milikan Kosong (*Notice of Vacant Possession*) yang juga terletak di bawah kawalan para profesional. Ini akan memberi manfaat secara langsung kepada pihak pembeli atau pemilik dari segi menyingkatkan masa menunggu untuk memasuki bangunan.

KESIMPULAN

24. Sistem perakuan CCC adalah satu usaha ke arah mengamalkan pendekatan *self certification* dan *self regulation* dalam industri pembinaan. Pengambilalihan tanggungjawab mengeluarkan persijilan keselamatan dan keselesaan bangunan oleh para profesional akan membantu mengurangkan tekanan ke atas beban kerja dan sumber-sumber PBT yang terhad.

25. Pengenalan sistem CCC juga merupakan komitmen Kerajaan untuk memperbaiki secara berterusan sistem penyampaian perkhidmatan khususnya dalam industri pembinaan. Pelaksanaan langkah-langkah bagi memudahkan para pelabur dan pemaju berurusan dengan Kerajaan dalam sektor awam akan membantu menurunkan kos menjalankan perniagaan dan ini seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan daya saing negara.

Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
April 2007

Proses Perakuan Berperingkat

JENIS BORANG	KOMPONEN	KONTRAKTOR	KONTRAKTOR TRED	PROFESIONAL
G 1	Kerja-kerja Tanah	✓		(SP)
G 2	Pemancangan Tanda	✓	✓(Juruukur Tanah Berlesen)	(PSP)
G 3	Tapak	✓		(SP)
G 4	Struktur	✓		(SP)
G 5	Perpaipan Air Dalam		✓(Tukang Paip Berlesen)	(SP)
G 6	Perpaipan Sanitari Dalam		✓(Tukang Paip Berlesen)	(SP)
G 7	Elektrikal Dalam		✓ (Orang yang cekap atau mahir)	(SP)
G 8	Menentang Kebakaran (Pasif)	✓		(PSP)
G 9	Menentang Kebakaran (Aktif)		✓	(SP)
G 10	Pengudaraan Mekanikal		✓	(SP)
G 11	Pemasangan Lif/Eskalator		✓	(SP)
G 12	Bangunan	✓		(PSP)
G 13	Sistem Bekalan Air Luaran		✓	(SP)
G 14	Retikulasi Pembentungan		✓	(SP)
G 15	Loji Rawatan Pembentungan		✓	(SP)
G 16	Sistem Bekalan Elektrik Luaran		✓ (Orang yang cekap atau mahir)	(SP)
G 17	Jalan dan Parit		✓	(SP)
G 18	Lampu jalan		✓ (Orang yang cekap atau mahir)	(SP)
G 19	Parit Luaran Utama		✓	(SP)
G 20	Telekomunikasi		✓	(SP)
G 21	Landskap		✓	✓ (Arkitek/ Arkitek Lanskap)